

Nikmati hidangan masakan ala Thai di restoran Sri Madeena

KAJANG - Menawarkan hidangan berkonsep masakan ala Thai, restoran Sri Madeena di Jalan Cheras, Kampung Sungai Sekamat di sini merupakan lokasi wajib dikunjungi buat penggemar makanan dari Thailand itu.

Terletak kira-kira 300 meter dari Stesen Transit Aliran Massa (MRT) Bukit Dukung, pengunjung boleh menikmati menu istimewa Thailand antaranya seperti hormook iaitu makanan laut yang digoreng dengan telur dan sayur-sayuran, tom yam kung, kangkung rangup dan sotong kukus limau.

Pengusaha restoran itu, Hailmy Abdul Wahab berkata, pembukaan MRT Sungai Buloh-Kajang pada 17 Julai lalu telah menambahkan lagi rezeki kepada perniagaannya.

"Saya dapat lihat peningkatan bilangan pelanggan yang datang ke restoran kami. Se-



SOTONG kukus limau antara hidangan istimewa.

belum ini pelanggan hanya dari kawasan di sekitar ini, tetapi dengan adanya MRT, ada pengunjung datang dari

INFO

Restoran Sri Madeena

Lokasi: Jalan Cheras, Kampung Sungai Sekamat, Kajang
Waktu Operasi: Setiap hari bermula pukul 5 petang hingga 1.30 pagi
Telefon: 012-5766 151

daerah lain.

"Kami berasa cukup bertuah kerana restoran ini terletak berdekatan stesen MRT yang membolehkan pelanggan berjalan kaki datang ke sini," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, seorang pelanggan, Aina Basri, 24, memberitahu, pengangkutan moden MRT memudahkannya dan orang ramai menikmati hidangan masakan ala Thai di restoran Sri Madeena.

"Boleh dikatakan setiap minggu saya akan makan di



PELANGGAN menjamu selera masakan ala Thai di restoran Sri Madeena, Kampung Sungai Sekamat, Kajang semalam.

restoran ini. MRT telah menjimatkan wang serta masa saya untuk ke mana-mana sahaja

destinasi yang ingin dituju tanpa perlu memikirkan kesesakan lalu lintas," ujarnya.